




IBU PEJABAT
BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire And Rescue Department of Malaysia
Lebu Wawasan, Presint 7
62250-PUTRAJAYA

Telefon: 603-8892 7600
Faks: 603-8892 7977/78
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel: bkkjbpm.bomba@1govuc.gov.my



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JBPM/IP/BKK:700-5/1 (50)

Tarikh : 20 DISEMBER 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

YS Dato/Tuan,

PENJUALAN LPG DI STESEN-STESEN PETRON SELURUH NEGARA & PEMATUHAN KEPADA MS830 & ASPEK-ASPEK KESELAMATAN YANG BERKAITAN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa sokongan pelesenan penjualan LPG dalam sangkar (cage) di stesen-stesen Petron seluruh negara hendaklah di rujuk kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri/ Zon. Pemohon hendaklah mengemukakan pelan bagi setiap Stesen Petron (by case) kerana setiap reka bentuk stesen dan lokasi penjualan LPG adalah berbeza.

... 3. Bersama-sama ini dilampirkan surat lampiran pemakluman kepada Perton untuk makluman pihak Ys Dato'/Tuan. Kerjasama daripada pihak tuan amatlah dihargai. Sebarang pertanyaan sila hubungi **PgKB I Wan Ahmad Mukhriz bin Wan Mohamed Dumiri** di talian **03-8892 7612**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' ZAMRI BIN CHE DIN)

b.p: Pengarah

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

s.k:

- YAS Ketua Pengarah JBPM
- YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)


PP BKK
Tundika Jeli
5/1

Tn. Fariz
Tn. Shukri

*Tindakan - kenalpasti
pemis + surat pemakluman
yg. ada pemakluman oleh
proses
(Agensi/zon). 07.01*

NHML/ESBN

'CEPAT DAN MESRA'





Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JBPM/IP/BKK:700-5/1 (49)

Tarikh : 20 DISEMBER 2019

Pengurus Besar
Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd
Level 12A, Menara 1&P1
No .46 Jalan Dungun
Damansara Height
50490 KUALA LUMPUR

Tuan,

PENJUALAN LPG DI STESEN-STESEN PETRONAS SELURUH NEGARA & PEMATUHAN KEPADA MS830 & ASPEK-ASPEK KESELAMATAN YANG BERKAITAN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa surat ruj: JBPM/IP/BKK:700-5/6, bertarikh 9 Februari 2018 bertajuk "Permohonan sokongan dan kebenaran dari pihak Bomba untuk Projek menjual silinder gas Petroleum Cecair (LPG) di stesen minyak Petron yang terpilih" adalah ditarik balik atas sebab reka bentuk dan lokasi tempat penyimpanan LPG (dalam sangkar, jualan runcit) di setiap stesen Petron adalah berbeza.

3. Sehubungan dengan itu, setiap permohonan perlu mengemukakan pelan bagi setiap stesen Petron (by case) untuk mendapatkan kelulusan sokongan pelesenan ke Jabatan Bomba dan Penyelamat di Negeri.

4. Kerjasama daripada pihak tuan amatlah dihargai. Sebarang pertanyaan sila hubungi **PgKB I Wan Ahmad Mukhriz bin Wan Mohamed Dumiri** di talian **03-8892 7612**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' ZAMRI BIN CHE DIN)

b.p: Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

NHML/LESEN

'CEPAT DAN MESRA'





IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA
Fire And Rescue Department of Malaysia
Lebuhraya Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon: : 603-88880036
Facsimile : 603-88927977/88927978
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : bkkjbpm@bomba.gov.my

Ruj Tuan :

Ruj. Kami : JBPM/IP/BKK:700-5/6 ()

Tarikh : 9 Februari 2018

Petron Malaysia Refining
& Marketing Bhd
Level 12A, Menara I&P1
No.46 Jalan Dungun
Damansara Height
50490 Kuala Lumpur
(u.p : En. Ramon Daud Indot)

Tuan ,

**PERMOHONAN SOKONGAN DAN KEBENARAN DARI PIHAK BOMBA UNTUK PROJEK MENJUAL
SILINDER GAS PETROLEUM CECAIR (GPC) DI STESEN MINYAK PETRON YANG TERPILIH**


Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan bertarikh 29/1/2018 adalah berkaitan.

2) Merujuk kepada cadangan rekabentuk tempat penyimpanan silinder *liquefied petroleum gases* (LPG) yang dikemukakan. Pihak kami tiada halangan dengan cadangan rekabentuk tersebut sekiranya mematuhi segala keperluan yang di gariskan dalam piawaian MS830:2013. Antara lain keperluan utama yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:-

- 2.1 Tempat penyimpanan hendaklah bebas daripada unsur pencerobohan;
- 2.2 Tempat penyimpanan sentiasa bebas daripada sebarang bahaya kebakaran;
- 2.3 Tempat penyimpanan hendaklah mematuhi jarak selamat yang dibenarkan; dan
- 2.4 Tempat penyimpanan perlu dilindungi dari sebarang impak kenderaan.

3) Sehubungan dengan itu, pihak tuan perlu mematuhi sepenuhnya piawaian MS830:2013 dan sebarang keperluan yang ditetapkan dari masa ke semasa.

Sekian terima kasih


(DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD)
Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

MSA/MAM2018

'CEPAT DAN MESRA'

